

02/05/2003

Economist diseleweng individu songsang

APABILA penulis rencana khas The Economist bertajuk A Survey of Malaysia dalam keluaran 5-11 lalu, Christopher Lockwood, menyatakan tindakan untuk memohon maaf tidak perlu, ia mencerminkan pendirian majalah itu yang berpegang kuat kepada pandangannya sendiri - tanpa mengambil kira pandangan berbeza. Barangkali kepada pengurusan majalah itu dan kebanyakan media Barat, demikianlah bentuk kebebasan yang mereka agungkan selama ini. Namun, dalam perkembangan terbaru, The Economist dilaporkan bersedia pula untuk menyiarkan kenyataan atau rencana bagi memperbetulkan segala kesilapan fakta dalam laporannya itu yang memperlekehkan sumbangan dan kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berdolak-dalik di antara dua pendirian berlawanan itu, sebenarnya tiada siapa yang boleh meyakini apakah keputusan akhir mereka. Kalau pun majalah itu memberi ruang kepada hujah balas Malaysia, tidak mungkin ia sepanjang rencana terdahulu yang disiarkannya. Jika langkah sebaliknya pula diambil, ia bukan pun menghairankan kerana The Economist yang mendabik dada dengan pengedaran menghampiri sejuta naskhah, berasakan ia terlalu angkuh untuk mengakui sebarang kesilapan. Tindakan memperkecil dan memperlekeh sebuah negara Islam seperti Malaysia memang sejak sekian lama menjadi agenda kebanyakan kalau pun tidak keseluruhan media Barat.

Apabila Perdana Menteri sering mengkritik media Barat yang seolah-olah tidak pernah ada yang baik untuk diperkatakan mengenai Malaysia, ia bukan dilakukan secara serkap jarang. Penyelewengan fakta - termasuk menyorankan persaraan Dr Mahathir yang lebih awal sudah mengumumkan akan berundur - sekadar mengesahkan betapa penulis dan sidang pengarang majalah itu berfikiran sempit. Cuma, dalam isu terbaru ini, segelintir individu di Malaysia harus turut dipersalahkan kerana angkara mereka jugalah, laporan The Economist sarat dengan separuh kebenaran dan fakta diselewengkan.

Perkara sebenar di sebalik pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) sebagai tukaran kepada sikap bertolak-ansur orang Melayu yang memberi kerakyatan kepada pendatang asing, tidak diperjelaskan. Sudah terlalu banyak pengorbanan orang Melayu untuk melayakkannya mendapat hak istimewa di negara yang asalnya dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu ini tetapi fakta berkenaan disembunyikan. Begitu juga tiada siapa dapat menyangkal bahawa sudah terlalu banyak yang dilakukan Dr Mahathir terhadap kemajuan Malaysia tetapi atas peranan individu tertentu yang berkepentingan, The Economist dengan lahap menelan sebarang hujah yang memperkecilkan sumbangan Perdana Menteri. Sambil majalah itu harus dipersalahkan kerana tidak melaporkan secara tepat dan objektif, segelintir individu yang memesongkan majalah berkenaan, turut bertanggungjawab sama.